



جابتن اكام إسلام فراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(98)

Tarikh: 19 Jamadilakhir 1447
10 Disember 2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	12 Disember 2025 / 21 Jamadilakhir 1447
Tajuk	Ajaran Sesat, Ancaman Akidah

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"AJARAN SESAT, ANCAMAN AKIDAH"

12 Disember 2025 / 21 Jamadil Akhir 1447

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ¹، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ²، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ³، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"AJARAN SESAT, ANCAMAN AKIDAH"

Firman Allah SWT:

﴿وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَٰلِكُمْ وَصَّيْكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾﴾

Bermaksud: Dan sesungguhnya inilah jalan Ku (agama Islam) yang lurus. Maka, hendaklah kamu menurutinya dan janganlah kamu menuruti jalan-jalan (yang lain daripada Islam) kerana jalan-jalan (yang lain itu) memisahkan kamu dari jalan Nya. Yang demikian itulah Allah memerintahkan kamu supaya kamu bertakwa.

(Surah al-An'ām ayat 153)

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

Ajaran sesat bermaksud ajaran dan amalan yang bercanggah dengan akidah Islam. Ajaran sesat akan menghakis atau menafikan asas kebenaran akidah Islam, boleh menyebabkan hidup terjerumus melakukan dosa besar. Ajaran sesat boleh mendorong umat melakukan perkara-perkara berunsur syirik dan khurafat, menolak konsep kenabian, meremehkan syariat atas alasan mereka telah mencapai maqam yang lebih tinggi.

Ayat 153 surah al-An'am yang khatib perdengarkan, memperingatkan perintah untuk berpegang teguh dengan akidah Islam berpandukan al-Quran dan As-Sunnah; merupakan jalan Rasulullah SAW dan para sahabat, serta ikutan atau mazhab, imam-imam yang berpegangan akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

Salah faham terhadap nas-nas agama menyebabkan munculnya ajaran sesat. Mimbar menyenaraikan beberapa ciri ajaran sesat yang menyimpang daripada akidah Islam:

Pertama: Kepercayaan yang menyalahi tuntutan Rukun Iman dan asas-asas akidah, serta bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Kedua: Mempertikaikan sumber utama syariat Islam seperti meragui kebenaran wahyu al-Quran dan menafikan kesahihan hadis Rasulullah SAW.

Ketiga: Mendakwa diri sebagai Nabi, Imam Mahdi atau mendakwa telah menerima wahyu melalui mimpi, lalu menjadikannya hujah untuk dilantik sebagai pemimpin akhir zaman.

Keempat: Meletakkan kedudukan agama Islam setaraf dengan agama-agama lain untuk dijadikan anutan.

Kelima: Sikap taasub mendewakan diri sendiri atau pemimpin tertentu, dilengkapi dengan ciri sebagai ahli syurga, boleh berperanan sebagai penebus dosa, serta mempunyai keistimewaan khusus; perbuatan-perbuatan yang nyata melanggar batasan syarak. **Keenam:** Mereka cipta pelbagai hukum baharu yang bercanggah dengan maqasid syariah, tidak disandarkan pada sumber hukum yang disepakati, serta menafikan kewajipan untuk mengerjakan pelbagai jenis ibadah fardu.

Jemaah yang dibimbing petunjuk Ilahi

Negeri Perak menetapkan Ahli Sunnah Waljamaah sebagai golongan umat Islam yang berpegang dengan manhaj *Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari* dan *Imam Abu Mansur al-Maturidi* serta ahli *Athar*, dalam bidang akidah. Manhaj Ahli sunnah Waljamaah adalah manhaj yang dijamin selamat dan sejahtera; mengambil pendekatan pertengahan dan seimbang antara dalil naqli dan aqli.

Mimbar menyeru ummah agar berwaspada dengan kumpulan-kumpulan yang telah bertapak di negeri ini, menyebarkan ajaran sesat seperti yang difatwakan atau yang telah diputuskan keputusan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, antaranya:

Pertama: Ajaran *SiHulk* yang mendakwa Nabi Muhammad SAW adalah Tuhan dan Baginda merupakan seorang yang tidak mempunyai jantina, iaitu bukan lelaki dan bukan perempuan.

Kedua: Ajaran *Allah Muhammad, Muhammad Allah (AMMA)*. Ajaran sesat ini menyatukan sifat ketuhanan dengan kemanusiaan, mendakwa Muhammad yang disebut dalam kalimah syahadah bukanlah Nabi Muhammad SAW, sebaliknya adalah Muhammad awal yang merupakan bukan makhluk, juga bukan Tuhan.

Ketiga: Kumpulan-kumpulan bidaah yang disenaraikan sesat merangkumi *Syiah, Khawarij, Mujassimah, Musyabbihah, Muktazilah, Batiniah, Liberalisme, Pluralisme, Wahhabi, Salafiah Jihadi* dan fahaman yang membawa kepada *takfir* dan keganasan.

Selain itu, terdapat juga ajaran sesat yang diputuskan oleh Jabatan Mufti Negeri Pahang dan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI); dikesan mula mengembangkan pengaruh di negeri Perak, antaranya:

Ajaran sesat yang bertapak di Slim River, berselindung di sebalik kegiatan perniagaan, diperkenalkan oleh *Irwan bin Alias* melalui Dewan Perkasa Ekonomi

Islam Nusantara (DPEIN). Selain mengubah dua kalimah syahadah, ajaran ini mengadakan majlis zikir, secara bercampur antara lelaki dan perempuan, serta mengajar konsep penyatuan diri dengan Tuhan yang jelas bertentangan dengan akidah Islam.

Ajaran kumpulan '*Perjalan Mimpi Yang Terakhir*' (PMYT); diperkenalkan oleh *Masitah binti Jalar* yang mendakwa menerima wahyu, mempunyai pengikut serta mengerahkan pengikutnya membentuk pasukan ketenteraan untuk mencari dan berbaiah dengan Imam Mahdi.

Jemaah yang dimuliakan

Ajaran sesat dan menyeleweng daripada akidah yang benar akan memberi pelbagai kesan buruk, menimbulkan kerisauan ummah serta berpotensi menggugat kestabilan negara. Pengikut ajaran sesat diancam dosa besar, diselubungi kegelapan, malah melorong kehidupan ke arah yang lebih sukar. Pengikut ajaran sesat menghadapi risiko ditipu dan diperalatkan, dan berkemungkinan kehilangan wang ringgit kerana sifat terlalu taksuf, dituntut menunjukkan ketaatan dan kesetiaan kepada pemimpin secara membuta tuli.

Ummah wajib berwaspada dengan ajaran sesat. Ummah hendaklah berpegang teguh dengan akidah Islam yang benar, akidah yang dijamin menyelamatkan ummah daripada azab api neraka, berpandukan sabda Rasulullah SAW, riwayat Imam al-Tirmizi yang bermaksud: "Umatku akan berpecah kepada 73 kumpulan. Semuanya dimasukkan ke neraka kecuali satu kumpulan. Sahabat bertanya siapakah mereka wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Mereka yang berada atas jalanku dan para sahabatku."

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar menasihati ummah agar sentiasa berhati-hati dan menghindarkan diri daripada kesesatan:

Pertama: Mendalami ilmu tauhid berasaskan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah yang menjadi tunjang pembentukan jati diri agar tidak mudah terpengaruh menjadi pengikut kumpulan-kumpulan ajaran sesat.

Kedua: Rujuk kepada pihak berkuasa agama sekiranya ragu-ragu terhadap mana-mana pihak yang cuba mempengaruhi ummah untuk mengikuti ajaran mereka.

Ketiga: Segera bertaubat dan memohon keampunan Allah SWT sekiranya telah terjebak dengan pengaruh ajaran sesat; segeralah kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

Keempat: Berpegang teguh kepada akidah Ahli Sunah Waljamaah aliran *Asyairah Maturidiah* seperti yang difatwakan di negeri Perak Darul Ridzuan, demi mengukuhkan kesatuan ummah.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, hindari kami dan zuriat kami daripada terpengaruh dengan ajaran dan fahaman sesat. Hindari kami daripada melakukan perkara dan perbuatan yang boleh merosakkan akidah. Bimbing kami untuk memahami dan mengikuti ajaran Islam yang benar. Jauhi dan lindungi kami daripada fahaman dan ajaran yang menyimpang agar akidah kami terpelihara dan tidak terpesong.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Malikul Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾